Utusan Borneo: 04 November 2026

Lelaki jadi keldai akaun didenda RM90,000

KUCHING: Padah menerima, mengurus dan terlibat secara langsung dalam transaksi kemasukan wang RM450,000 ke dalam akaun miliknya tanpa maksud sah, seorang lelaki bekerja sendiri dijatuhi hukuman denda RM90,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim Shafiza Datu Abdul Razak Tready memerintahkan Chong Nyek Chew, 39, untuk dipenjara 24 bulan sekiranya gagal membayar denda.

Chong menukar pengakuannya kepada bersalah ketika pengurusan kes semalam. Dia didakwa atas dua pertuduhan yang dibuat mengikut Seksyen 424C (1) Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman denda minimum RM10,000 dan tidak melebihi RM150,000 atau penjara minimum tiga tahun dan maksimum 10 tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Shafiza menjatuhkan hukuman denda RM10,000 bagi pertuduhan pertama dan RM80,000 bagi pertuduhan kedua, masing-masing dengan hukuman penjara 12 bulan jika gagal membayar denda.

Beliau juga membenarkan permohonan tertuduh untuk membayar denda secara ansuran mengikut Seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah, dengan bayaran RM10,000 semalam dan RM10,000 bagi setiap bulan berikutnya sehingga denda itu dijelaskan sepenuhnya.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, Chong didakwa telah terlibat secara langsung dalam transaksi menggunakan akaun miliknya di sebuah institusi kewangan di sini, melibatkan wang milik sebuah bank, tanpa tujuan yang sah.

Berdasarkan fakta kes, pegawai eksekutif di Bahagian Jabatan Perbankan Digital bank tersebut menerima maklumat daripada Jabatan Operasi Saluran Korporat mengenai beberapa transaksi mencurigakan melibatkan dana bank berjumlah RM160 juta.

Susulan itu, laporan polis dibuat, manakala semakan lanjut pihak bank mendapati transaksi tanpa kebenaran tersebut berlaku lebih awal iaitu antara 28 Oktober hingga 3 November 2025.

Laporan polis kedua kemudian merekodkan jumlah keseluruhan RM203.82 juta yang dipindahkan secara tidak sah ke beberapa akaun tempatan.

Siasatan polis seterusnya mendapati rekod transaksi dalam sistem bank tidak sepadan dengan laporan Real-Time Retail Payments PayNet, manakala pemeriksaan digital menunjukkan sistem bank telah terjejas sehingga memungkinkan pemindahan dana tidak sah dibuat.

Siasatan lanjut kemudian mendapati terdapat dua transaksi kemasukan wang berjumlah RM50,000 dan RM4,000, masing-masing pada 1 dan 3 November 2025, yang dikreditkan ke dalam akaun bank milik Chong.

Malah, Chong didapati mengeluarkan wang tersebut secara tunai di kaunter bank di dua lokasi berasingan di Kuching.

Sehubungan itu, Chong ditangkap pada 20 November 2025 bagi tujuan siasatan polis.

Dalam keterangan, Chong mendakwa meminjamkan akaun bank miliknya kepada lelaki dikenali sebagai 'Adrick Wong, yang menyatakan wang tersebut merupakan kemasukan daripada tugasan diberikan dan akan ditunaikan menerusi akaun bank milik Chong.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Shukor Abu Bakar dari Unit Jenayah Komersial dan Siber, Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara (AGC), Putrajaya sementara Chong diwakili peguam Tiong Ing Neng.